

KHUTBAH JUMAAT

“IBADAH KORBAN MENURUT SYARAK” (14 Jun 2024M/ 7 Zulhijjah 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Hidup kita di dunia ini ibarat pelayaran di lautan yang luas. Setiap daripada kita adalah nakhoda yang mengemudi bahtera kehidupan menuju pelabuhan yang abadi. Dalam pelayaran ini, kita sering berhadapan dengan pelbagai badai dan gelombang ujian yang menguji keimanan dan ketabahan kita. Namun, dengan berpegang teguh kepada Islam yang bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah melalui huraian ulama yang muktabar, kita akan mampu mengharungi segala cabaran dengan tenang dan selamat.

Marilah kita panjatkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah *subhanahu wata'ala*, kerana dengan rahmat dan kasih sayang-Nya kita masih diberi peluang untuk berkumpul di rumah-Nya yang mulia ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*, ahli keluarganya, para

sahabatnya, serta mereka yang mengikuti jejak langkah baginda hingga ke hari kiamat.

Hadirin yang dirahmati Allah,

Pada hari yang penuh keberkatan ini, marilah kita merenung sejenak nikmat-nikmat yang Allah *subhanahu wata'ala* telah kurniakan kepada kita. Kehidupan kita di dunia ini adalah sementara, dan setiap detik yang berlalu tidak akan kembali. Setiap hela nafas yang kita hirup adalah pinjaman daripada Allah *subhanahu wata'ala*, dan setiap langkah yang kita ambil haruslah menuju kepada keredhaan-Nya. Allah *subhanahu wata'ala* berfirman dalam Surah Al-An'am, ayat 160:

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا ۖ وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَىٰ إِلَّا
مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ (١٦٠)

Maksudnya: *Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dianiaya (sedikit pun).*

Betapa besar kasih sayang Allah *subhanahu wata'ala* terhadap hamba-Nya. Setiap kebaikan yang kita lakukan akan dikurniakan dengan pahala yang berlipat ganda, manakala setiap kesalahan yang kita lakukan hanya dibalas setimpal dengan perbuatannya. Namun, janganlah kita merasa selesa dengan rahmat-Nya sehingga kita lupa akan tanggungjawab kita sebagai hamba-Nya.

Sebagai hamba Allah yang beriman, kita hendaklah sentiasa mencari keredaan-Nya dan berlindung di bawah naungan rahmat-Nya sentiasa. Hari ini, marilah kita menelusuri satu tema yang penting dalam kehidupan kita sebagai muslim, iaitu **“Ibadah Korban Menurut Syarak”**. Tajuk ini akan menjadi obor yang menerangi perjalanan kita dan payung yang melindungi kita daripada panasnya fitnah dunia. Semoga dengan mendengar dan menghayati khutbah ini, kita akan lebih memahami makna sebenar kehidupan dan lebih dekat kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Allah *subhanahu wata'ala* telah mensyariatkan ibadah korban melalui firman-Nya di dalam surah al-Kautsar, ayat 1-3 :

إِنَّا أَعْطَيْنَكَ الْكَوْثَرَ (١) فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ (٢) إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ (٣)

Maksudnya: *Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat). Oleh itu, kerjakanlah solat kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban sebagai bersyukur). Sesungguhnya, orang yang bencikan engkau, dialah yang terputus (dari mendapat sebarang perkara yang diingini).*

Berdasarkan kepada ayat tadi, majoriti ulama berpendapat bahawa hukum melakukan korban adalah sunat muakkad, iaitu sunat yang sangat dituntut. Setiap orang Islam yang telah baligh dan berakal serta berkemampuan amat digalakkan untuk melakukannya. ‘Berkemampuan’ yang dimaksudkan ialah memiliki harta yang melebihi daripada nafkah untuk dirinya dan mereka yang di bawah

tanggungannya iaitu pakaian, makanan, perlindungan dan keselamatan. Ibadah korban dilakukan pada hari raya Aidil Adha dan hari-hari tasyrik, iaitu pada 10 Zulhijjah hingga 13 Zulhijjah. Namun, berkorban boleh menjadi wajib apabila seseorang itu mewajibkan ke atas dirinya untuk mendekatkan diri kepada Allah dengan melakukan korban. Ketika itu, korban menjadi wajib ke atas dirinya kerana ia merupakan nazar yang wajib ditunaikan.

Kaum muslimin yang dikasihi,

Dalam melaksanakan ibadah korban, syarak telah menetapkan jenis haiwan yang boleh dijadikan korban, dan juga syarat-syaratnya. Dalam hal ini, syarak telah menentukan bahawa ibadah korban hanya boleh dilakukan ke atas haiwan yang tertentu sahaja dari kategori *al-niám* (النِعم) iaitu unta, lembu, kerbau dan kambing. Ini bermakna berkorban dengan menyembelih haiwan selain daripada yang dinyatakan tadi adalah tidak sah. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Hajj, ayat 34 yang bermaksud:

"Dan bagi tiap-tiap umat, Kami syari'atkan ibadat menyembelih korban (atau lain-lainnya) supaya mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur akan pengurniaanNya kepada mereka; binatang-binatang ternak yang disembelih itu kerana Tuhan kamu semua ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka hendaklah kamu tunduk taat kepadaNya; dan sampaikanlah berita gembira (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang tunduk taat ."

Bagi seekor unta, lembu atau kerbau boleh dibahagikan kepada

tujuh bahagian dan harus bagi seseorang berkorban dengan satu bahagian daripada tujuh bahagian itu. Berbeza dengan seekor kambing yang hanya mewakili satu bahagian sahaja. Pembahagian ini berasaskan kepada hadis sahih yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Jabir *radhiallahu ‘anhu* yang bermaksud :

“Kami melakukan korban bersama Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam pada tahun Hudaibiyah dengan dibahagikan seekor unta kepada tujuh bahagian dan seekor lembu juga dibahagikan kepada tujuh bahagian”.

Kaum muslimin yang dikasihi,

Dalam memilih haiwan yang hendak dijadikan korban, kita perlu memilih berdasarkan kriteria atau syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak iaitu:

Pertama: Dari segi umurnya. Syarat bagi seekor unta mestilah umurnya sudah memasuki tahun keenam manakala bagi lembu dan kambing pula hendaklah umurnya sudah memasuki tahun ketiga. Bagi kambing biri-biri pula disyaratkan umurnya sudah masuk tahun kedua.

Kedua: Dari segi tiada kecacatan yang boleh mengurangkan dagingnya. Justeru, haiwan yang memiliki kecacatan dan keaiban seperti sakit, nyata tempangnya, buta sebelah matanya, terpotong sebahagian telinganya dan yang terlalu kurus tidak boleh dipilih untuk dikorbankan.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Mungkin timbul pertanyaan apakah yang perlu dibuat dengan daging korban selepas disembelih? Orang yang melakukan korban itu dibolehkan baginya untuk makan daging korban mengikut kadar yang dikehendakinya dengan syarat dia hendaklah bersedekah sedikit daripadanya. Selain itu, harus baginya untuk membahagikan daging korbannya kepada tiga bahagian iaitu satu pertiga untuk dirinya, satu pertiga lagi untuk disedekahkan kepada fakir dan satu pertiga yang baki dihadiahkan kepada sahabat handai dan jiran tetangga walaupun mereka orang kaya.

Perlu diambil perhatian bahawa apa yang diberikan kepada orang kaya adalah hadiah untuk dimakan sahaja dan mereka tidak boleh menjualnya. Manakala apa yang diberi kepada orang fakir adalah untuk dimiliki dan mereka bebas untuk memakannya ataupun menjualnya. Walau bagaimanapun, apa yang lebih afdal bagi orang yang berkorban ialah makan sedikit untuk keberkatan dan bakinya disedekahkan.

Berbeza dengan korban yang wajib disebabkan telah bernazar, maka orang yang berkorban dan mereka yang berada di bawah tanggungannya tidak dibenarkan untuk memakan daging korbannya. Jika dimakan juga, maka hendaklah diganti dengan daging yang lain atau dibayar dengan nilai yang menyamai daging yang telah dimakan itu.

Dalam hal berkaitan, daging korban sunat boleh dimakan, atau diberikan kepada orang bukan Islam dalam masalah terpencil

(dalam keadaan tertentu) atas sebab maslahat dakwah dalam masyarakat majmuk, sementara korban wajib adalah tidak dibenarkan dimakan atau diberikan kepada orang bukan Islam, seperti yang telah diputuskan oleh Lembaga Fatwa Negeri Sarawak yang bersidang kali ke-16 pada 4 November 2009.

Manakala menerima haiwan yang disumbangkan oleh orang bukan Islam hukumnya adalah harus atas dasar keharusan bermuamalah dengan orang bukan Islam. Jika haiwan dinyatakan oleh pemberi (yang bukan Islam) untuk dijadikan korban, maka hukum korbannya tidak sah. Sebaliknya, ia dianggap sumbangan kepada pihak penerima kerana korban tidak dituntut ke atas orang bukan Islam. Bagi mereka yang menerima haiwan tersebut, bolehlah menjadikan ia korban, dan hukum korbannya sah kerana haiwan tersebut telah menjadi milik penerima. Bagi haiwan yang disumbangkan kepada institusi seperti masjid, surau atau kepada kelab dan persatuan, adalah harus digunakan untuk apa-apa tujuan mengikut syarak.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Perlu diingatkan bahawa waktu untuk menyembelih haiwan korban bermula selepas terbitnya matahari pada Hari Raya Aidil Adha, setelah berlalunya tempoh masa yang mencukupi untuk dua rakaat solat dan dua khutbah, dan berterusan waktunya hingga terbenam matahari pada 13 Zulhijjah.

Justeru, bersempena dengan kedatangan Hari Raya Korban yang akan datang, maka marilah kita sama-sama berusaha untuk mendekatkan diri kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan

melakukan ibadah korban. Bagi mereka yang mampu melaksanakannya pada tahun ini, maka berkorbanlah. Bagi yang belum mampu menunaikannya pada tahun ini, maka sama-samalah kita berusaha dengan cara menyimpan sedikit demi sedikit dari pendapatan kita pada setiap bulan sejak dari awal tahun lagi agar kita mampu melakukan ibadah korban apabila tiba masanya kelak, insya Allah.

Marilah kita bersama-sama merebut ganjaran berkorban yang dijanjikan melalui sabda Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* kepada anaknya Fatimah *radhiallahu 'anha* yang bermaksud:

((Bangunlah kepada korbanmu dan saksikanlah ia kerana sesungguhnya (dengan tertitisnya) darah yang pertama maka akan diampunkan dosamu yang terdahulu. Fatimah bertanya : “Wahai Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam, ini adalah untuk kita Ahlil Bait sahaja atau untuk kita dan orang Islam seluruhnya?” Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam menjawab : “Bahkan untuk kita dan untuk orang Islam seluruhnya.))

(Hadis riwayat al-Hakim dengan sanad yang sahih)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebelum mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama menghayati beberapa pengajaran penting daripada khutbah yang disampaikan, antaranya:

Pertama: Setiap orang Islam yang telah baligh dan berakal serta berkemampuan amat digalakkan untuk melakukan ibada korban.

Kedua: Ibadah korban dilakukan pada hari raya Aidil Adha dan hari-hari tasyrik, iaitu pada 10 Zulhijjah hingga 13 Zulhijjah.

Ketiga: Apa yang lebih afdal bagi orang yang berkorban ialah makan sedikit untuk keberkatan dan bakinya disedekahkan.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Hajj, ayat 37:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
لَنْ يَنَالَ اللَّهُ لُحُومَهَا وَلَا دِمَائُهَا وَلَكِنْ يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ مِنكُمْ ۚ كَذَٰلِكَ
سَخَّرَهَا لَكُمْ لِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَانَكُمْ ۗ وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ (٣٧)

Maksudnya : "Darah yang mengalir dari binatang yang dikorbankan juga daging yang diperolehi dari binatang tersebut, sekali-kali tidak sampai kepada Allah. Akan tetapi yang sampai kepada Allah adalah ketakwaan dalam diri kamu. Begitulah Allah permudahkan binatang-binatang itu untuk kamu agar kamu membesarkan Allah atas apa yang Dia anugerahkan kepada kamu dan berilah khabar gembira kepada orang yang melakukan kebaikan " .

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita memperbanyakkan istighfar dan memohon keampunan daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* mengampuni segala dosa kita dan menerima segala amalan kita. Marilah kita juga berdoa untuk kebaikan umat Islam di seluruh dunia agar mereka sentiasa berada dalam lindungan dan rahmat Allah *subhanahu wata'ala*.

Khatib juga menyeru agar kita terus mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami dari gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ
يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.